

16 OCT 1998

Mahathir-Matawang

MAHATHIR YAKIN KAWALAN PERTUKARAN AKAN DITERIMA DUNIA

Oleh: Azman Ujang

TOKYO, 16 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini beliau yakin bentuk kawalan pertukaran asing dan matawang yang diperkenalkan Malaysia baru-baru ini akan memperolehi penerimaan peringkat antarabangsa sebagai satu cara bagi menghentikan keadaan anarki dalam pasaran kewangan akibat perbuatan tamak manipulator matawang.

Katanya langkah kawalan petukaran asing dan matawang yang pada awalnya dilaksanakan oleh China dan kemudian oleh Malaysia, sudah mula diterima, malah oleh negara dan institusi Barat sendiri yang pada mulanya menolaknya sebagai sesuatu yang bercorak anti pasaran bebas.

"Bagi Malaysia, ia sememangnya telah mendatangkan hasil yang baik kepada ekonomi dalam negara sejak kami melaksana kawalan itu bulan lepas.

"Ia telah mewujudkan suasana yang lebih mudah dibuat jangkakan dalam bidang perniagaan dan kami akan meneruskan langkah-langkah itu sehingga masyarakat antarabangsa mengadakan peraturan bagi perdagangan matawang," katanya.

Perdana Menteri menyatakan demikian semasa sesi soal-jawab selepas memberi ceramah pada majlis makan tengah hari dengan kira-kira 100 pemimpin korporat, ahli bank dan cendekiawan Jepun di sini.

Dalam ucapannya sebelum itu, Dr Mahathir bercakap mengenai dasar pertukaran asing Malaysia dan menghuraikan keputusan Malaysia pada 1 Sept untuk menetapkan kadar pertukaran Ringgit dengan Dolar Amerika Syarikat pada RM3.80 bagi US\$1, dan keputusan untuk tidak lagi menjadikan Ringgit sebagai sah diperlakukan di luar negara mulai 1 Okt.

Langkah itu bertujuan melindungi matawang Malaysia daripada terlalu terdedah kepada serangan spekulatif dalam pasaran matawang dunia yang sejak Julai tahun lepas telah menyusutkan nilai Ringgit sebanyak 60 peratus, mengakibatkan kegawatan ekonomi yang pertama baginya sejak awal 1980-an.

Dr Mahathir juga mengambil peluang pada forum itu untuk mengulangi rayuan supaya perdagangan matawang dunia dikawal -- mesej yang selalu diutarakannya sejak beliau bercakap buat kali pertama mengenainya pada mesyuarat Tabung Matawang Antarabangsa dan Bank Dunia di Hong Kong tahun lepas.

"Apa yang kami harapkan ialah satu hari perdagangan matawang akan dikawal. Dengan itu akan wujud titik pertemuan antara dasar-dasar yang dilaksanakan oleh China dan Malaysia dan dalam pada itu negara-negara lain juga sudah mewujudkan langkah pengawalan tertentu yang minimum untuk mengelakkan ekonominya daripada terlalu terdedah kepada perbuatan pihak-pihak luar yang hanya berminat untuk membuat duit," katanya.

Beliau berkata apabila beliau mengingatkan buat kali pertamanya tahun lepas mengenai perlunya diadakan peraturan bagi perdagangan matawang, beliau telah diketawakan tetapi kini beliau gembira kerana semakin banyak negara yang turut bersetuju dengan pendapatnya.

"Titik pertemuan antara pendapat itu akan berlaku dan kami berharap akan wujud satu sistem sedunia yang menentukan peraturan kewangan bagi digunapakai oleh semua negara. Itulah keadaan yang sangat sihat dalam perdagangan matawang," kata Dr Mahathir.

Beliau juga menyeru supaya dihadkan kuasa dana lindung nilai yang begitu luas kini sehingga boleh menjalankan operasi perdagangan berjumlah antara 30 dan 50 kali ganda daripada modalnya.

Pada pendapatnya dana lindungan nilai sepatutnya dibenarkan beroperasi

sehingga 100 peratus daripada jumlah modal, dan itupun hanya sekali.

Dana itu juga seharusnya menghebahkan urusanniaganya untuk menghentikan jenis perdagangan yang dilakukan mereka sekarang kerana setiap kali mereka menjual, nilai matawang berkenaan akan susut.

"Keadaan itu hendaklah diubah. Jika kita menjual kopi, selagi ada pihak yang mahu membelinya pada harga tertentu, harganya tidak akan turun. Tetapi mengapa jika kita menjual matawang, harga matawang itu akan turun.

"Ini dilakukan oleh mereka, jadi ini juga mesti diubah supaya jika ada pembeli, matawang itu tidak susut nilainya," kata beliau.

Dengan cara itu, pedagang matawang perlu menggunakan modal yang jauh lebih banyak sebelum keadaan susut nilai berlaku terhadap sesuatu matawang, kata beliau.

Ini akan mengelakkan orang daripada terlalu melibatkan diri dalam perdagangan matawang, kata Dr Mahathir.

Beliau berkata sebaik sahaja perdagangan matawang boleh dikawal, negara-negara seperti Malaysia dan China yang telah mengawal kadar pertukaran masing-masing, akan bersedia untuk kembali (ke pasaran matawang).

"Dan kami sememanga sentiasa menyatakan bahawa jika peraturan sewajarnya diwujudkan, kami akan memansuhkan kawalan terhadap kadar pertukaran.

"Pada peringkat itu nanti tidak terlalu banyak orang yang akan dapat bermain dengan kadar pertukaran dan membuat duit kerana mereka hanya boleh membuat spekulasi tetapi tidak manipulasi," katanya.

Semasa soal-jawab, Perdana Menteri juga diberitahu bahawa Presiden Amerika Syarikat Bill Clinton telah memuji China semasa lawatannya ke sana baru-baru ini kerana langkah kawalan pertukaran yang dilaksanakannya, tetapi tidak pula memuji Malaysia kerana berbuat demikian.

Dr Mahathir berkata: "Mungkin kerana China sudah merupakan ekonomi tertutup tetapi Malaysia adalah ekonomi terbuka, tetapi kini ia tidak sebegitu terbuka lagi.

"Bagi saya, saya tidak kisah sangat Presiden Clinton tidak memuji Malaysia. Malaysia tidak pernah dipuji atas sebarang perkara dan ini bukanlah sesuatu yang menghairankan," katanya.

Dalam ucapannya pada jamuan tengah hari itu, Perdana Menteri yang tiba di sini pagi ini untuk lawatan kerja selama lima hari, berkata satu-satunya golongan yang tidak mendapat faedah daripada langkah Malaysia mengawal pertukaran asing dan matawang itu ialah pedagang matawang.

"Kita kini dapat lihat betapa buruknya akibat daripada perbuatan orang-orang ini. Jika mereka rugi saya tidak fikir kita harus berasa sedih. Tindakan mereka menyalahgunakan pertukaran matawang itulah yang menyebabkan masalah ekonomi di dunia sekarang. Memang patutlah mereka rugi," katanya.

Dr Mahathir juga berkata dakwaan sesetengah pihak bahawa Malaysia sedang memencilkan dirinya daripada masyarakat antarabangsa adalah tidak mempunyai asas sama-sekali.

Beliau berkata Malaysia merupakan negara perdagangan dan ia telah mendapat faedah besar daripada pengaliran modal melalui pelaburan asing langsung, kerana itu adalah tidak munasabah bagi Malaysia menghalang pengaliran modal itu.

Dr Mahathir memberitahu forum anjuran Nihon Keizai Shimbun Inc. (Nikkei), sebuah kumpulan akhbar utama itu bahawa dalam bulan pertama pelaksanaan strategi baru itu, prestasi ekonomi Malaysia adalah menggalakkan, rizab asingnya meningkat dan perniagaan pada amnya bertambah baik.

Petunjuk ekonomi lain yang positif ialah pergerakan ke arah penguncupan -- yang dijangka 4.8 peratus tahun ini -- menjadi semakin perlahan kerana pelabur asing dan tempatan mendapati penetapan kadar pertukaran itu

memudahkan mereka membuat perancangan.

Beliau memberi jaminan kepada pelabur bahawa modal boleh mengalir keluar dan masuk ke Malaysia tanpa sekatan dan apa yang dilakukan oleh Malaysia hanyalah melaksanakan peraturan bagi pergerakan matawang supaya dapat mengawal kadar pertukarannya.

Oleh kerana Ringgit kini hanya sah diperlakukan di Malaysia, penyelesaian perdagangan perlu dibuat dalam matawang asing, yang mestilah ditukar ke dalam Ringgit untuk membayar bagi semua transaksi di dalam negara.

Ini bermakna jika hendak membawa keluar wang, Ringgit mesti ditukar ke dalam matawang asing, katanya.

Bagaimanapun Perdana Menteri tidak menjangka akan wujud keadaan kekurangan matawang asing di Malaysia kerana negara mempunyaiimbangan perdagangan yang besar dan pinjaman jangka pendek yang kecil.

Beliau berkata memandangkan ekonomi Malaysia dijangka mengalami pertumbuhan pada kadar 1 peratus tahun depan, ini bermakna peningkatannya adalah sebanyak 5.8 peratus (daripada penguncupan 4.8 peratus tahun ini).

"Dalam perniagaan, perkara paling penting ialah kestabilan dan keadaan yang membolehkan kita membuat jangkaan. Kita mungkin berjaya atau mungkin juga gagal, tetapi walau apa pun yang berlaku, kita akan memperolehi banyak pengajaran dalam pengurusan kewangan sesebuah negara yang akan berguna kepada semua pihak.

"Kita rasa kita sudah melihat perkembangan yang semakin baik. Kita rasa kita kini di landasan ke arah pemulihan," kata beliau.

-- BERNAMA

AU JK NMO